

APAKAH PERANAN ANDA DALAM MEMASTIKAN SINGAPURA SELAMAT DARIPADA KEGANASAN?



**MARI KITA BERSAMA-SAMA MENJAGA
KESELAMATAN DENGAN SGSECURE.**

KONGSI MESEJ PENTING DALAM BROSUR INI
DENGAN KELUARGA DAN RAKAN-RAKAN ANDA.



SGSECURE
STAY ALERT. STAY UNITED. STAY STRONG.

ANCAMAN KEGANASAN MASIH TINGGI

Ini bukan soal jika, tetapi bila. Respons kita penting. Kita mesti terus berjaga-jaga dan memainkan peranan kita dalam memastikan Singapura selamat daripada keganasan.



Singapura adalah sasaran penganas yang diketahui.



Penganas radikalisasi sendiri dan penganas yang bertindak sendiri terus menjadi ancaman.



GERAKAN SGSECURE MERUPAKAN RESPONS MASYARAKAT TERHADAP KEGANASAN

SGSecure ialah gerakan nasional yang dilancarkan sejak tahun 2016 untuk menyedarkan, melatih dan menggerakkan masyarakat untuk memainkan peranan bagi mencegah dan menangani serangan penganas. Ini merupakan cara bagaimana seluruh Singapura boleh bersatu dalam menghadapi ancaman keganasan, dan melindungi cara hidup kita.

APAKAH PERANAN ANDA?

Tiada peranan yang terlalu kecil. Semua orang boleh memainkan peranan dalam masa aman dan krisis. Imbas kod QR untuk mencari peranan anda sekarang!



PEMERHATI RAKAN SEJATI PENJAGA PENYELAMAT PENYEMAK FAKTA PENYATU

PERPADUAN KITA ADALAH KEKUATAN KITA

Kita lebih kuat bersama. Marilah kita melakukan bahagian kita untuk melindungi perpaduan sosial yang telah kita bina selama ini. Bersama-sama, kita boleh terus:



Meningkatkan kepercayaan dan rasa hormat sesama warga Singapura.



Mempelajari tentang pelbagai budaya, kaum dan amalan agama rakan-rakan kita.



Mengekalkan hubungan dengan jiran-jiran kita, saling membantu dan bertolak ansur antara satu sama lain.


KEKAL BERWASPADA KEWASPADAAN

**BAGAIMANAKAH ANDA BOLEH MEMBANTU
MENCEGAH SERANGAN KEGANASAN?
MENGESAN KELAKUAN DAN BARANG-BARANG YANG MENCURIGAKAN**



Sebagai **Pemerhati (Lookout)**, anda boleh memainkan peranan dengan melaporkan orang atau aktiviti yang mencurigakan kepada pihak berkuasa. Berwaspada terhadap apa-apa sahaja yang...

TIDAK NORMAL. TIDAK BIASA. PELIK. LUAR BIASA



BARANG-BARANG

- Dibiarkan tanpa pengawasan
- Mengeluarkan bau yang luar biasa
- Wayar berjuntaian



KELAKUAN

- Merayau-rayau secara mencurigakan
- Pengambilan gambar dan / atau rakaman video pada sistem keselamatan dalam keadaan yang mencurigakan (cth. kamera CCTV)
- Memakai pakaian bersaiz besar seolah-olah menyembunyikan objek
- Bertanyakan soalan yang pelik



KENDERAAN

- Memandu ke arah orang ramai dan tidak mengurangkan kelajuan
- Mengelilingi kawasan berulang kali
- Dipenuhi dengan muatan yang tidak diketahui
- Barang-barang yang mencurigakan di dalam kenderaan


KEKAL BERWASPADA KEWASPADAAN

BAGAIMANAKAH ANDA BOLEH MEMBANTU MENCEGAH SERANGAN KEGANASAN? MENGENAL PASTI TANDA-TANDA RADIKALISASI



Sebagai **Rakan Sejati (True Friend)**, kenali tanda-tanda radikalisasi berikut. Jika ahli keluarga atau rakan anda memaparkan mana-mana tanda ini, sila hubungi **ISD** di **1800-2626-473**, pihak **Polis (1800-255-0000)**, atau hantarkan laporan melalui **aplikasi SGSecure**. Anda juga boleh menghubungi Talian Bantuan **Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG)** di **1800-774-774-7**.

Bersama-sama, kita boleh memberikan bantuan kepada mereka dengan cepat sebelum mereka membahayakan diri sendiri atau orang lain.



Sering
melayari laman
web radikal



Berkongsi pandangan ekstremis di
media sosial, menyatakan sokongan /
kekaguman terhadap penganas /
kumpulan penganas serta
penggunaan keganasan



Berkongsi pandangan
ekstremis dengan
rakan-rakan dan
saudara-mara



Membuat kenyataan yang
mengalakkan niat jahat
atau kebencian terhadap
orang yang berlainan
bangsa atau agama



Menyatakan niat untuk
mengambil bahagian dalam
tindakan keganasan di luar
negara atau di Singapura



Menghasut orang lain
supaya mengambil
bahagian dalam
tindakan keganasan



Imbas kod QR untuk memuat turun kit sumber kami (Bahasa Melayu), dan ketahui cara membantu keluarga atau rakan-rakan yang mungkin menjadi radikal



KEKAL TEGUH DAYA TAHAN

APAKAH YANG ANDA BOLEH LAKUKAN SEKIRANYA BERLAKU SERANGAN KEGANASAN?



Sebagai **Penjaga (Guardian)**, ingat 3 langkah penting ini sekiranya berlaku serangan pegganas.



LARI

Pertimbangkan laluan paling selamat dan bergerak dengan pantas dan senyap untuk menjauhkan diri daripada penyerang. Jangan menyerah atau cuba berunding. Desak orang lain supaya pergi bersembunyi bersama anda. Tinggalkan barang-barang anda.

SEMBUNYI

Sembunyi dan jauhkan diri daripada pandangan. Letakkan objek berat seperti meja di belakang pintu untuk menghalang akses daripada penyerang. Jauhkan diri daripada pintu. Berdiam diri dan matikan telefon anda kepada mod senyap.



BERITAHU

Apabila dalam keadaan selamat, hubungi Polis di talian 999. SMS 70999 jika keadaan tidak mengizinkan anda untuk bercakap. Berikan butiran tentang lokasi anda dan penyerang. Gunakan aplikasi SGSecure untuk memberikan lebih banyak maklumat, gambar dan video kepada Polis.

KEKAL TEGUH

DAYA TAHAN

APAKAH YANG ANDA BOLEH LAKUKAN SEKIRANYA BERLAKU SERANGAN KEGANASAN?



Sebagai **Penyelamat (Lifesaver)**, jika anda terjumpa dengan seorang mangsa yang berdarah dengan banyak semasa bersembunyi daripada serangan pengganas, ikuti 3 langkah ini:



TEKAN

Tekan terus pada luka untuk menghentikan pendarahan menggunakan barang-barang seperti sapu tangan atau kain. (Jika pendarahan tidak berhenti, teruskan dengan mengikat).



IKAT

Ikut sekurang-kurangnya 5sm di atas bahagian luka menggunakan barang seperti tali leher, tali pinggang atau tali beg untuk menghentikan pendarahan yang berlebihan. Cara ini hanya boleh digunakan untuk kaki dan tangan sahaja (Jika pendarahan masih tidak berhenti, gunakan teknik 'windlass').

TEKNIK 'WINDLASS'

Langkah-langkah tambahan jika pendarahan masih berterusan



1
Ikut sekurang-kurangnya 5sm di atas ikatan pertama



2
Letakkan sebatang rod (pen atau sekeping kayu) pada ikatan kedua dan ikat pada batang tersebut



3
Pusingkan batang tersebut ke satu arah sehingga pendarahan berhenti



4
Ikut batang tersebut dengan membuat simpulan



BERITAHU

Beritahu Pegawai Kecemasan Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF) tentang kecederaan dan masa ketika anda mengikat luka itu.

Hulurkan bantuan kepada orang lain tanpa menarik perhatian yang tidak diinginkan kepada diri sendiri dan hanya ketika ia selamat untuk berbuat demikian.

KEKAL BERSATU PADU KEPADUAN

MENGEKALKAN BERSATU KEPADUAN ADALAH PERTAHANAN TERBAIK KITA UNTUK MELAWAN SERANGAN KEGANASAN



Sebagai **Penyatu (Uniter)** atau **Penyemak Fakta (Fact-Checker)**, anda boleh memainkan peranan anda melalui perkara berikut:



BERTENANG TERUS DIMAKLUMKAN

Dapatkan maklumat dan nasihat terkini daripada sumber rasmi, seperti laman web atau halaman Facebook Polis, siaran akhbar pemerintah dan aplikasi SGSecure.

JANGAN SEBARKAN KHABAR ANGIN

JANGAN BERSPEKULASI

Jangan siarkan atau kongsi video atau gambar yang tidak disahkan yang boleh menyebabkan panik atau ketakutan. Muat turun aplikasi SGSecure untuk menerima makluman dengan maklumat rasmi mengenai insiden pengganasan. Anda juga boleh mengetahui lebih lanjut tentang celik maklumat melalui Program Celik Maklumat Nasional (S.U.R.E.) oleh Lembaga Perpustakaan Negara (NLB). Untuk maklumat lanjut, layari <https://sure.nlb.gov.sg>.



MENGAMBIL BERAT TENTANG ORANG LAIN

BANTU ORANG LAIN KEMBALI KE RUTIN HARIAN

Galakkan keluarga dan rakan-rakan anda supaya bangkit dan kembali ke rutin harian mereka secepat mungkin.

BERSEDIA DAN KEKAL BERSATU PADU

Mari kita lakukan bahagian kita untuk melindungi perpaduan sosial dengan melengkapkan diri kita dengan kemahiran persediaan kecemasan, dan belajar tentang budaya, kaum dan amalan keagamaan yang berbeza di Singapura. Bersedia dan kekal bersatu padu!

PELUANG LATIHAN

Daftar untuk **Program Responders Plus (RPP)** untuk melengkapkan diri anda dengan pengetahuan persediaan kecemasan yang penting, pertolongan cemas, prosedur CPR-AED, keselamatan dari kebakaran dan prosedur pemindahan. Anda boleh menghubungi salah satu daripada empat **Ibu Pejabat Divisyen SCDF** yang terdekat dengan anda. RPP tersedia untuk semua orang awam tanpa sebarang kos.



**Ibu Pejabat
Divisyen SCDF**

Alamat

Nombor Telefon

Divisyen 1	3 Queensway, Singapore 149073	6471 7429
Divisyen 2	1 Tampines Industrial Ave 3, Singapore 528777	6587 8333
Divisyen 3	533 Yishun Industrial Park A, Singapore 768774	6852 2816
Divisyen 4	80 Bukit Batok Rd, Singapore 658072	6314 6913

Terokai kepelbagaian agama kita di
Harmoni dalam Galeri Kepelbagaian



Ketahui tentang
Kumpulan Keharmonian Kaum dan Agama



TIADA PERANAN YANG TERLALU KECIL. SETIAP TINDAKAN KECIL BOLEH MEMBERI PERBEZAAN!

Apa sahaja peranan yang anda dapati, kami menggalakkan anda untuk melibatkan diri dalam pergerakan SGSecure dengan mendaftar sebagai Responder SGSecure.



DAFTAR SEBAGAI RESPONDER SGSECURE

Muat turun aplikasi SGSecure dan daftar sebagai Responder SGSecure melalui tab 'Respond'. Tiada prasyarat atau pensijilan terdahulu dalam kemahiran menyelamatkan nyawa diperlukan.



ANDROID



IOS

MAINKAN PERANAN ANDA!



JIKA ANDA SEORANG PEMERHATI ATAU RAKAN SEJATI:
Melaporkan barang-barang/kelakuan atau tanda-tanda radikalisasi yang mencurigakan kepada pihak berkuasa melalui aplikasi SGSecure.



JIKA ANDA SEORANG PENJAGA ATAU PENYELAMAT:
Membantu dalam masa kecemasan seperti serangan jantung atau kebakaran kecil. Melengkapkan diri anda dengan kemahiran menyelamatkan nyawa (cth. CPR/AED, pertolongan cemas, kemahiran asas memadam kebakaran, pertolongan cemas psikologi).



JIKA ANDA SEORANG PENYEMAK FAKTA ATAU PENYATU:
Terima maklumat yang disahkan mengenai insiden keselamatan di luar negara dan tempatan. Bertenang, jangan sebarkan khabar angin, dan ambil berat terhadap orang lain.

TIADA PERANAN YANG TERLALU KECIL.

SETIAP TINDAKAN KECIL
BOLEH MEMBERI PERBEZAAN!



ANDROID



IOS

JADILAH RESPONDER SGSECURE HARI INI.



IKUTI KAMI
@SGSECUREOFFICIAL